

07 SEP 2003

Yong-Pilihan Raya

SAPP MAHU BN NEGERI KEMUKA FORMULA BARU PERKONGSIAN KUASA

KOTA KINABALU, 7 Sept (Bernama) -- Partu Maju Sabah (SAPP) menggesa Barisan Nasional (BN) Sabah mengemukakan kepada rakyat formula baru perkongsian kuasa pada pilihan raya negeri akan datang, yang mesti diadakan menjelang April 2004.

Presiden SAPP Datuk Yong Teck Lee berkata perkara itu perlu diberikan perhatian serius ketika kerajaan negeri bersiap sedia bagi pilihan raya.

"Saya mencadangkan idea bagi Formula Sarawak (yang memerlukan semua parti komponen memainkan peranan bermakna dalam kerajaan) sebagai asas bagi perbincangan," katanya semasa menyampaikan ucapan dasar pada kongres ke-10 parti itu di Menara Tun Mustapha, dekat sini hari ini.

Selain isu penggiliran jawatan Ketua Menteri, SAPP juga menumpukan mengenai perlunya mencegah kegiatan perjudian dan menumpukan pendidikan, katanya.

Perkara berkenaan merupakan antara isu penting yang memerlukan perhatian serius, katanya.

Pada masa yang sama, Yong menggesa agar "fikirkan secara mendalam" terhadap cadangan mengadakan pilihan raya negeri serentak dengan pilihan raya Parlimen, menyatakan "dalam soal ini parti lebih cenderung bagi pilihan raya serentak".

Berucap kepada kira-kira 1,500 orang terdiri daripada perwakilan SAPP, pemerhati dan tetamu, Yong melahirkan kebimbangan dengan perubahan dasar perjudian oleh kerajaan negeri pada 2001 yang mengakibatkan pertambahan pusat perjudian dan mesin judi.

"Peningkatan kegiatan perjudian secara online yang berselindung sebagai kafe siber juga membimbangkan," katanya.

Dengan itu, Yong yang merupakan Ketua Menteri dari 1996-1997, mencadangkan kerajaan negeri mengguna pakai empat pendekatan bagi menangani gejala sosial termasuk perjudian.

Ini termasuk tindakan besar-besaran oleh pihak polis, Badan Pencegah Rasuah dan agensi penguatkuasa undang-undang lain terhadap kegiatan perjudian.

"Juga perlu melaksanakan undang-undang dan peraturan lebih ketat serta memberikan tumpuan pada pendidikan dan juga kaunseling, kita juga perlu menganalisis kesan sosial dan ekonomi akibat perjudian di negeri ini," katanya.

Menyatakan pendidikan perlu menjadi asas bagi semua perancangan jangka panjang, beliau juga memberi perhatian terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran sains dan matematik di sekolah.

Mengenai isu-isu semasa, Yong melahirkan kebimbangan bahawa para pengundi pada pilihan raya negeri akan datang mungkin "menghukum" calon-calon BN di kawasan Kota Kinabalu kerana kecewa dengan pelaksanaan dasar baru berhubung tempat letak kereta di bandar raya ini.

"SAPP berharap kerajaan negeri akan terus memantau dan menyemak perkara itu bagi mencari jalan penyelesaian untuk mencari formula yang mantap demi kepentingan orang ramai," katanya.

Yong turut melahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara Oktober ini bagi memberi laluan kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menyatakan pandangan jauh dan kepimpinan Perdana Menteri telah membawa kecemerlangan kepada negara ini.

Beliau berkata SAPP mempunyai keyakinan dan kepercayaan penuh terhadap Abdullah dalam menerajui negara.

-- BERNAMA
NT NT RHM